

# PELAN BENCANA INSIDEN RADIASI HTAR



## Apakah Tindakan Anda?

Cari Punca Radiasi dan memastikan kawasan tersebut diisolasi.

## No. Talian Penting?

Sambungan **1030**.

Hotline AELB : **1800887999**

## Apa yang perlu anda tahu?

1. Laluan **Keluar** Kecemasan.
2. Ruang Dekontaminasi
3. Keluar jauh dari lokasi radiasi

## Adakah anda tahu?

1. Carta Alir Tindakan Bencana Insiden Radiasi
2. JK Keselamatan Bencana Hospital
3. Tatacara Dekontaminasi
4. *Signage* “**KELUAR**”

## Bila Proses Evakuasi?

1. Selepas mendapat arahan dari **Pegawai Perlindungan Radiasi ‘Radiation Protection Officer’ (RPO)**, yang dilantik di peringkat Jabatan / Unit sahaja.
2. Kadar Radiasi terlalu tinggi.

## Siapakah *Radiation Protection Officer’ (RPO)*.

### Petugas di lokasi yang :

- i. Pegawai Fizik Perubatan.
- ii. Mengetahui kandungan dan jumlah radiasi.
- iii. Mengetahui kadar radiasi yang tercemar.
- iv. Mengetahui tatacara evakuasi.

## Siapakah *Floor Warden?*

### Petugas di lokasi yang :

- i. Memberi arahan kepada staff untuk memulakan evakuasi dan mengikut laluan keluar yang betul.
- ii. Memastikan jumlah staff dan pesakit di wad mencukupi semasa berada di Zon Berkumpul.

## Siapakah *Floor Marshal?*

### Petugas di lokasi yang :

- i. Memastikan semua mesin radiasi di tutup dengan segera.
- ii. Cuba dekontaminasi radiasi kecil.
- iii. Memaklumkan kepada Pegawai Keselamatan / Floor Warden jika usaha memadam kebakaran gagal.

## Siapakah *Floor Squad?*

### Petugas di lokasi yang :

- i. Membantu proses evakuasi

# PELAN BENCANA INSIDEN RADIASI HTAR



## Carta Alir Tindakan Bencana Inciden Radiasi



**Tindakan:**  
Buat panggilan:  
1. Radicare  
2. Pengarah Hospital  
3. Pakar Perubatan Kecemasan  
4. \*HAZMAT

Melaporkan kepada PKN

## ANCAMAN KIMIA BOLEH DIKESAN DENGAN 2 CARA:

1. Dari Petugas di lokasi
2. Dari Aduan ke Unit Kesihatan Awam

## SENARAI AGENSI DAN PEGAWAI YANG PERLU DIHUBUNGI OLEH PEGAWAI TELEFONIS

- i. Pengarah Hospital
- ii. Unit Keselamatan Hospital
- iii. Unit Keselamatan Awam
- iv. JK Keselamatan Bencana Hospital
- v. Pihak Bomba & Penyelamat (HAZMAT)

## DEKONTAMINASI

### Tindakan:

- Dekontaminasi mangsa
  - Protokol Dekontaminasi
- Dilaksanakan oleh Petugas Hospital yang telah dilatih di ruang dekontaminasi yang disediakan.

## RAWATAN KHUSUS

1. Rawatan diberikan selepas proses dekontaminasi dilaksanakan.
2. Rawatan diberikan adalah bergantung kepada jenis bahan kimia khusus.
3. Sila rujuk **PELAN TINDAKAN INSIDEN KECEMASAN & BENCANA DALAMAN HOSPITAL I 2017**

## BAHAGIAN PENGURUSAN

### Memastikan:

1. Lualan kecemasan, lokasi tempat berkumpul dan parkir terkawal.
2. Makanan & Minuman Pesakit dan Petugas diselenggarakan dengan baik.
3. Keperluan Asas pesakit dijaga.
4. Memastikan PPE penuh dibekalkan

**\*Penglibatan HAZMAT jika mangsa adalah ramai.**

## SIMPTOM – SIMPTOM AKIBAT TERDEDAH RADIASI

### 1. Kesan Awal

- a. **Sistem gastrointestinal** : loya, muntah. Tanda muntah menunjukkan bahawa pesakit telah menerima dos radiasi yang tinggi.
- b. **Sistem kardiovaskular** : kadar nadi lebih laju, tekanan darah rendah.
- c. **Kulit** : Kesan terbakar atau melepuh.
- d. **Sistem hemopoitik** ( penghasilan darah ) : pengurangan paras sel darah limfosit.

### 2. Kesan Lewat

- a. **'Deterministic effects'** :Kesan di mana kadar radiasi mencukupi untuk membunuh sel atau menghalang sel daripada berfungsi atau membiak. Contoh kesan adalah seperti Katarak radiasi dan Dermatitis radiasi
- b. **'Stochastic effects'** : Kesan selepas pendedahan radiasi pada jangka masa panjang yang menyebabkan penyakit genetik atau kanser. Contohnya leukemia.